

5hb Ogos 2009

Koroner : Tuan Azmil Muntapha bin Abas

Timbalan Pendakwaraya (TPR) : Encik Tan Hock Chuan
(dilantik oleh Kerajaan Malaysia) Encik Cains Tan
Encik Justin Wee
Mohd Abbas Zafri b. Mohd Abas

Peguam Pemerhati
(untuk keluarga simati) : Encik Gobind Singh Deo
Encik S.N Nair
Encik Ram Karpal Singh
Encik Karpal Singh
Lim Lip Eng

Peguam Pemerhati
(kerajaan Negeri Selangor) : Encik Malik Imtiaz Sarwar
Cik Asma binti Mohd Yunus
Encik Ashok Kandiah
Cik Sreekant Pillay

Peguam Pemerhati
(Majlis Peguam) : Encik Richard Wee Lopez
Encik Cheow Wee
En. Syahredzan Johan
En. Haniff Khatri
Cik Jun Lo

Mahkamah: Hari kedua untuk teruskan kes inkues. Pada tarikh lepas Deputy Public Prosecutor telah bekalkan semua dokumen.

Deputy Public Prosecutor: Telah diberi pada semua parties.

Mahkamah: Berapal saksi-saksi?

Deputy Public Prosecutor: Senarai saksi terkini adalah seramai 97 saksi.

Mahkamah: Apa cadangan Deputy Public Prosecutor, mana saksi yang perlu dipanggil dahulu.

Deputy Public Prosecutor: Akan panggil early witnesses seramai enam orang saksi.

Selepas itu akan panggil tiga ahli kimia, mereka telah siapkan tiga report, iaitu:

- 1) toxicology report
- 2) criminology report
- 3) DNA report

Saya ingin memaklumkan Mahkamah bahawa DNA report kedua telahpun siap dan telah diserahkan kepada rakan-rakan saya pada pagi ini. Swab specimen sample telah diambil dari 157 orang untuk dianalisa berkenaan dengan swab DNA yang dijumpai di belakang kot dan tali pinggang beliau.

Untuk makluman Mahkamah, dari 157 orang kesemua staf SPRM di pejabat Selangor, personel polis yg terlibat dalam siasatan, personel jabatan forensic yg terlibat, cleaners dan juga orang individu.

Selepas tiga orang ahli kimia, saya bercadang utk panggil tiga orang pathologist. Ini adalah aturan yang dicadangkan untuk 12 saksi pertama.

Mahkamah: Setuju dengan cadangan Deputy Public Prosecutor.

SI1 – SITI ZABEDAH BINTI YAHYA

En. Gobind: Minggu lalu, telahpun dinyatakan di dalam Mahkamah ini bahawa dua orang penama yang tidak memberi sample DNA untuk analisa, iaitu:

- 1) Tan Boon Wah
- 2) Lee Wye Wing

Untuk makluman, kedua-dua mereka telah beri sample dan dianalisa untuk keputusan dan keputusan tersebut menunjukkan tiada sebarang match.

Deputy Public Prosecutor: Akan panggil saksi pertama (A3)

SI1

Nama : Siti Zabedah bt. Yahya
Umur : 41 tahun
Pekerjaan : Pengawal keselamatan Hwang DBS Sdn Bhd,
Plaza Masalam,
Alamat : Seperti di kad pengenalan
(413 Blok 1, Jalan U5/L33
Bandar Pinggiran Subang
40150 Shah Alam)

Bersumpah dan bertutur dalam Bahasa Melayu.

Deputy Public Prosecutor

Q : Pada 16hb Julai 2009, adakah kamu kerja di tempat sama?

S11 – SITI ZABEDAH BINTI YAHYA

A : Ya, ditempat sama.

Q : Tempat kerja kamu di tingkat mana, bangunan mana?

A : Tingkat 19, Plaza Masalam, Shah Alam.

Q : Adakah kamu bertugas pada hari tersebut?

A : Ya, saya bertugas.

Q : Pada pukul 1.10 petang hari yang sama, adakah kamu bertugas?

A : Ya, ada bertugas dan waktu itu waktu rehat.

Q : Apa berlaku?

A : Saya pergi ke bilik kosong, macam stor, saya rehat disitu, saya buka tingkap besar, duduk disitu dalam 20 minit. Saya bangun nak keluar untuk bertugas. Semasa hendak tutup tingkap, saya jenguk ke bawah dan nampak satu lembaga manusia sedang baring. Tidak pasti baring atau tidur di koridor tingkat 5.

Q : Apa kamu buat?

A : Lepas nampak, saya rasa tidak puas hati. Saya ambil satu skru dan jatuhkan ke bawah dengan tujuan untuk bangunkan dia tapi dia tidak bergerak.

Q : Skru apa kamu buang?

S11 – SITI ZABEDAH BINTI YAHYA

A : Skru meja lebih kurang 3 inci.

Q : Apa berlaku?

A : Lepas 5 minit dia tidak bangun dan saya panggil kawan untuk lihat. Saya telefon maintenance, En. Ridzuan.

Q : Selepas itu apa berlaku?

A : Saya tiada ambil apa-apa tindakan. Hanya bagitahu.

Q : Ada buat laporan polis?

A : Tidak.

Deputy Public Prosecutor: Panggil En. Ridzuan. Puan Siti adakah ini En. Ridzuan b. Samsuri.

A : Ya.

Mahkamah: Dicamkan.

[Mohd Ridzuan bin Samsuri – 820225-10-5591]

(Tiada soalan lagi).

En. Gobind Singh Deo

Q : Cik Siti, sebelum hari itu, kamu sudah kerja dengan syarikat kamu di Plaza Masalam untuk berapa lama?

A : Hampir 11 tahun.

Q : Dalam pengalaman kamu, apabila seseorang masuk ke dalam Plaza Masalam, adakah biasa untuk butir-butir pengenalan diambil?

A : Lepas office hour.

Q : Apakah maksud kamu?

A : Sekuriti akan ambil butir keterangan orang yang hendak naik lepas office hour.

Q : Sebagai pegawai keselamatan, kamu mesti tahu berkenaan dengan akses daripada bangunan tersebut, tingkat 19.

Q : Selain dari lif tingkat utama, adakah akses lain?

A : Tangga.

Q : Dimanakah letaknya tangga?

A : Kiri Plaza Masalam.

Q : Masuk dan akan lihat pengawal keselamatan tapi di mana?

A : Kiri satu dan kanan satu.

Q : Adakah tangga ini akses kepada semua tingkat?

A : Ya, hingga ke tingkat 20.

Q : Adakah ianya berikan akses kepada bumbung?

A : Ya.

Q : Dalam pengalaman kamu, adakah kebiasaan untuk orang ke bumbung?

A : Lima tahun dulu boleh, tapi sekarang tidak boleh. Ia telah dikunci.

Q : Di dalam kes ini, kamu ada beri sample DNA pada polis?

A : Ada.

Q : Kamu kata lepas waktu pejabat, boleh jelaskan jam?

A : Lepas pukul 5 petang. Kontraktor nak naik atas, akan tinggal i/c dan akan diberi tag. Tidak tahu jika ada perubahan pada waktu tersebut.

(Tiada soalan).

Majlis Peguam

Q : Tangga yang kamu nyatakan, setiap tingkat ada pintu boleh buka dari luar dan dalam?

SI1 – SITI ZABEDAH BINTI YAHYA

SI2 – RIDZUAN BIN SAMSURI

A : Ya.

Deputy Public Prosecutor: Pohon saksi dilepaskan.

Deputy Public Prosecutor: Saya cadangkan untuk panggil En. Ridzuan b. Samsuri.

SI2

Nama : Ridzuan b. Samsuri
K/P : 820225-10-5991
Bertugas : Di Plaza Masalam sebagai juruteknik, Plaza Masalam
Alamat : Sama seperti di kad pengenalan
(No. 52, Jalan Sementar Jaya
Taman Sementar Jaya,
42100 Klang)

(Bersumpah dan bertutur dalam Bahasa Melayu).

Deputy Public Prosecutor: Pada 16hb Julai 2009, adakah kamu memegang jawatan yang sama?

A : Ya.

Q : Kamu kerja sebagai juruteknik di Plaza Masalam?

A : Ya.

Q : Di Shah Alam?

A : Ya.

Q : Pada hari tersebut adakah kamu bertugas?

A : Ya.

Q : Pada sekitar jam 2 petang, boleh ceritakan pada berlaku?

A : Ketika sedang makan di Restoran Pelita, Plaza Masalam saya terima panggilan dari Kak Siti menelefon saya bahawa terdapat seorang sedang tidur di koridor dengan keadaan yang mencurigakan dan minta saya melihat tempat kejadian kerana tiada sesiapa boleh naik ke tempat itu.

Q : Tingkat berapa?

A : Service corridor tingkat lima.

Q : Restoran Pelita di mana?

A : Tingkat bawah, level 2.

Q : Selepas terima panggilan, apa kamu buat?

A : Bersama rakan Rosli b. Salleh terus ke level 5 roof top, panjat bumbung untuk ke tempat kejadian.

Q : Apa yang kamu nampak?

A : Dapati dari jauh memang ada orang sedang baring dalam keadaan mencurigakan. Bila dah dekat nampak darah yang kering, saya rasa panik dan tidak tengok mayat dan hanya lalu di sebelah mayat. Bagitahu superior melalui walkie talkie.

Q : (Gambar-gambar yang diambil oleh) Jurufoto – Lans Koperal Mahfiz. Pohon ditandakan.

Mahkamah: IDI1.

Q : Rujuk saksi pada gambar pertama dan kedua. Adakah ini koridor tingkat 5?

A : Ya.

Q : Lihat gambar 1 – 4. Adakah kamu jumpai orang tersebut dalam keadaan ini?

A : Ya.

Q : Pada masa itu, adakah kamu sentuh orang ini?

A : Tidak.

Q : Pada masa kamu sampai dengan Rosli, adakah gambar 1 dan 2 menunjukkan tingkap terbuka?

A : Tidak terbuka.

Q : Sila lihat gambar 5 dan 6. Adakah ini keadaan dimana kamu jumpai orang tersebut?

A : Ya, kecuali plastik hitam.

Q : Maknanya plastik tiada di gambar 1 – 4?

A : Tiada plastik langsung.

Mahkamah: Bagaimana dengan batu-bata di gambar 3?

A : Tiada.

Q : Gambar 3 dan 4, tadi kamu katakan bila kamu sampai darah telah kering?

A : Kering di bahagian lutut. Saya tidak fokus.

Q : Di gambar 3 dan 4, mulut nampak?

A : Nampak sekali imbas.

Q : Pakaian sama?

A : Sama, pakai kot dan seluar putih.

Q : Selepas itu apa kamu buat?

A : Hubungi superior saya, En. Azri b. Abd Rahman melalui walkie talkie.

Q : Tujuan?

- A : Untuk melihat dan ambil tindakan selanjutnya.
- Q : Adakah beliau datang?
- A : Datang dengan sekuriti En. Khairul dalam pukul 2 lebih.
- Q : Berapa lama jangkamasa beliau datang?
- A : 10 hingga 15 minit.
- Q : Adakah kamu tinggalkan tempat tersebut lepas tengok kejadian?
- A : Saya jaga tempat bersama Rosli.
- Q : Ada buat laporan polis?
- A : Ada.
- Q : Adakah ini laporan polis kamu?
- A : Ya.
- Q : Tarikh?
- A : 17hb Julai 2009.
- Q : Kenapa buat laporan satu hari lepas kejadian?
- A : Selepas berbincang dengan superior dan buat laporan atas arahan ketua.

Q : Pada 16hb Julai 2009, adakah kamu hubungi polis?

A : Bukan.

Q : Kamu tahu polis sampai pukul berapa?

A : Tidak pasti.

Q : Pohon ditandakan sebagai IDI2. [Laporan polis oleh SI-2]

Mahkamah: IDI2.

En. Gobind Deo Singh

Q : Kamu bertugas sebagai juruteknik, apakah kerja kamu?

A : Saya di bahagian maintenance department, elektrik, plumbing, telephone.

Q : Tempat yang kamu katakan nampak mayat, adakah itu di tingkat 5?

A : Ya.

Q : Tempat itu adalah dilarang dari akses orang ramai?

A : Ya.

Q : Adakah tempat itu mempunyai CCTV?

A : Tidak.

Q : Apabila kamu katakan tidak boleh diakses, bagaimana kita perlu pergi ke tempat itu?

A : Jika nak pergi, kita akan beri pada kontraktor yang telah dilantik. Register pada sekuriti dan maintenance department.

Q : Macamana?

A : Tidak boleh kecuali melalui bumbung.

Q : Adakah tempat itu mempunyai laluan khusus?

A : Koridor hanya boleh dilalui di dua tempat. Pertama melalui ofis dan perlu minta kebenaran dan keluar melalui tingkap. Kedua, kena lapor pada sekuriti kerana ada dua grill, satu kunci pada sekuriti dan satu lagi pada maintenance.

Q : Ofis tersebut ofis apa?

A : Ofis Shorga (ejaan tidak pasti). Itu adalah nama syarikat.

Q : Ofis pada hari tersebut, adakah ia digunakan atau kosong?

A : Dalam proses pembinaan dan terdapat empat staff di belakang, hadapan kosong. Semua telah berpindah. Lokasi mereka jauh dari mangsa.

Q : Kamu katakan pada masa itu terdapat empat orang yang melaksanakan kerja pembinaan di unit tersebut walaupun ia tidak digunakan secara keseluruhan. Adakah itu jawapan kamu?

A : Tidak faham soalan.

Q : Diulangi.

A : Staff perempuan sahaja yang melakukan kerja pejabat kerana barang telah dipindahkan.

Q : Ulang soalan.

A : Ya.

Q : Kenal mereka?

A : Kenal rupa sahaja. Tidak tahu nama mereka.

Q : Akses pintu grill – kamu kata keperluan untuk ambil kunci pihak maintenance dan sekuriti. Jika seorang masuk, perlu dicatit?

A : Ya.

Q : Adakah kamu melihat log tersebut?

A : Ya.

Q : Selain dari kamu, adakah sesiapa yang lain telah dicatatkan dalam buku tersebut?

A : Tidak pasti. Catitan dibuat oleh sekuriti. Saya hanya on aircond pukul 10 pagi dan tutup pukul 10 malam.

Q : Sebagai juruteknik, kamu tahu SPRM ada pejabat di situ?

A : Ya.

Q : Tingkat berapa?

A : 14.

Q : Adakah mereka gunakan ruang lain?

A : Tingkat 15, sebahagian sahaja.

Q : Gunakan sebagai pejabat?

A : Ya.

Q : Adakah ruang tersebut sama seperti di tingkat 14?

A : Tidak, sebahagian sahaja.

Q : Adakah kamu hadir pada malam di bangunan tersebut?

A : Tidak pernah hadir pada waktu malam.

Q : Kamu katakan berkenaan aircond, adakah bangunan tersebut centralize aircond?

A : Pejabat gunakan auto timer di tingkat 20.

Q : Bila aircond tutup?

A : Pukul 10 malam di shopping mall. Pejabat pukul 6.

Q : Di SPRM, pukul 6 tiada aircond?

A : Ya.

Q : Sejauh pengetahuan kamu, adakah SPRM, adakah mereka ada aircond sendiri?

A : Ada buat penambahan di bilik tertentu dan saya tidak pasti.

Q : Jika tutup 6 petang, buka pukul berapa?

A : 7.30 pagi.

Q : Berkenaan gambar 1, adakah tingkap itu yang kamu nyatakan tadi?

A : Ya.

Q : Gambar 2, sila lihat mayat khususnya pada bahagian bawah. Adakah kamu nampak kecederaan di bahagian seluar?

A : Saya tengok sekali imbas dan terus lari kerana panik.

Q : Kamu tidak lihat dengan baik?

A : Tengok sahaja di sebelah.

Q : Ada tengok cedera di bahagian luar?

A : Ada tengok di bahagian seluar dan muka.

Q : Jika lihat di gambar, di mana grill yang kamu maksudkan?

A : Grill jauh, saya kena panjat bumbung. Ia di belakang bangunan tower.

Q : Pada masa itu, adakah kamu periksa grill?

A : Grill berkunci.

Q : Daripada yang kamu nyatakan, hanya ada dua cara untuk hadir ke tempat tersebut iaitu dari tingkap dan grill. Di pejabat adakah ada orang?

A : Ada di belakang. Saya tidak masuk melalui pejabat, saya lalu bumbung. Tidak boleh suka-suka masuk.

Q : Jika kamu lihat mayat disitu, tidakkah kamu ingin tanya apa yang berlaku, sama mereka lihat atau tidak?

A : Tidak, saya panik dan terus berlari ke hujung untuk melaporkan pada pihak sekuriti untuk tindakan selanjutnya.

En. Sreekanth

Q : PI2 – laporan polis. Dalam laporan polis kamu pada 14.09 petang kamu telah dapat laporan dari Kak Siti. Berapa lama masa kamu ambil untuk pergi ke tingkat 5?

- A : Lebih kurang 5 hingga 10 minit.
- Q : Bila naik ke bumbung untuk ke tingkat 5, bila tiba di tempat mayat dijumpa, kamu nampak dari bahagian mana?
- A : Dari depan dan sisi.
- Q : Kamu tak teliti?
- A : Tidak.
- Q : Siapa pengawal?
- A : En. Azri.
- Q : Ada orang lain?
- A : En. Khairul.
- Q : En. Rosli?
- A : Ada lihat.
- Q : Bila masa kamu tengok mayat?
- A : Saya jalan, saya tengok depan dan lalu sebelah dan terus pergi ke kawasan hadapan.
- Q : Ini adalah pengalaman pertama?

A : Ya.

Q : Kamu kelam-kabut?

A : Ya.

En. SN. Nair

Q : Kena ada dua kunci untuk buka grill, siapa simpan?

A : Sekuriti satu dan maintenance satu.

Q : Kunci disimpan atau dibawa balik?

A : Bawa balik.

Q : Sekuriti?

A : Tidak pasti, macam tinggal di kaunter.

Q : Berapa kunci sebenarnya.

A : Setiap staff kena ada iaitu lima kunci.

Q : Kamu ada akses pada bahagian teknikal untuk baiki kerosakan?

A : Tidak pasti, gunakan grill.

Q : Bagaimana pejabat SPRM?

A : Tidak ada akses. Kena melalui pejabat untuk ke tempat tersebut.

Lawyer (En. Cheow Win)

Q : Jam berapa kamu sampai dan lihat mayat?

A : 1.30 hingga 2 petang.

Q : Polis sampai pukul berapa?

A : Tidak pasti.

Q : Kamu nampak ada sesiapa ambil gambar mayat?

A : Mungkin ada dari tingkat atas, tidak berapa pasti.

Deputy Public Prosecutor: Untuk identify Rosli Salleh, Azri dan Mohd Khairul.

Mahkamah: Semua saksi dicamkan.

Deputy Public Prosecutor: Lihat gambar 1 dan 2 of ID11, bila kamu dan Rosli sampai dan lalu di mayat, adakah kamu menghala ke pejabat?

A : Tangan di dinding dan jalan. Tidak boleh lihat kerana panik.

Q : Pada masa itu, adakah kamu nampak sesiapa di pejabat?

A : Tidak.

Mahkamah: Sepanjang kamu mengawal mayat itu, ada sesiapa datang ke sana?

A : Tidak, hanya saya dan Rosli Salleh. Hanya di bawah.

Q : Di bawah di mana?

A : Tingkat 4.

Deputy Public Prosecutor: Pada masa kamu sampai, ada siapa disitu?

A : Tidak.

Mahkamah: Berapa lama kamu mengawal?

A : Tidak pasti.

Deputy Public Prosecutor: Pohon saksi dilepaskan.

Mahkamah: Siapa saksi seterusnya?

A : Mohd Khairul, A1, A7, A8. En. Rosli tidak akan dipanggil.

Mahkamah: Ditangguhkan.

t.t. Azmil Muntapha b. Abas.

11.10 pagi.

Kes diteruskan.

Deputy Public Prosecutor: Akan panggil saksi ketiga, Mohd Khairul Izwan Nasir.

SI3 – MOHD KHAIRUL IZWAN BIN NASIR

SI3

Nama : Mohd Khairul Izwan b. Nasir
Bertugas : Penolong Kanan Sekuriti, Plaza Masalam
Umur : 29 tahun
Alamat : (403, Tingkat 3, Blok 10,
Jalan Pinang, Seksyen 18, 40200 Shah Alam)

(Bersumpah di dalam Bahasa Melayu).

Deputy Public Prosecutor

Q : Pada 16hb Julai 2009, adakah kamu buat kerja yang sama?

A : Ya.

Q : Pada hari tersebut adakah kamu bertugas?

A : Ya.

Q : Apa berlaku pada jam lebih kurang 1.49 hingga 1.50 petang?

A : Saya bersama Tn. Roslan, pegawai saya sedang berehat di dalam ofis dan telah dihubungi dan dinyatakan bahawa ada seorang lelaki ada di koridor tingkat 5, side B.

Q : Apa yang kamu buat selepas terima maklumat?

SI3 – MOHD KHAIRUL IZWAN BIN NASIR

A : Saya bergegas ke tingkat lima, nampak dari car park tingkat 8, pihak maintenance En. Ridzuan dan Rosli berada di tingkat lima. Saya pergi naik lif naik ke tingkat 5, saya pergi ke pejabat Tuah Tanker di level lima, saya ketuk pintu untuk pergi ke tempat yang dilaporkan. Saya ketuk dan tiada siapa yang buka pintu, saya pergi ke pejabat sebelah kanan, pejabat KDN di site A dan minta kebenaran untuk gunakan tingkap. Saya perlu panjat bumbung mall dan apabila sampai di tempat kejadian saya dapati pihak maintenance masih berada disitu.

Q : Siapa berada disitu?

A : Ridzuan, Rosli dan Azhar.

Q : Siapa bersama kamu?

A : Saya sampai seorang.

Q : Apa berlaku di tempat kejadian?

A : Saya dapati ada seorang lelaki kulit putih, bertiarap dan mengiring sebelah kanan, di bahagian kepala ada darah yang kering.

Q : Rujuk IDI1, lihat muka surat 1 dan 2. Boleh kamu sahkan?

A : Ya.

Q : Bila kamu datang, adakah mayat dijumpai seperti dalam gambar?

A : Ya.

SI3 – MOHD KHAIRUL IZWAN BIN NASIR

Q : Gambar 3 dan 4?

A : Sama.

Q : Sila lihat semua gambar, bila kamu sampai ada plastic hitam disitu?

A : Tidak ada. Arahan dari pegawai untuk minta cleaner plastic hitam untuk tutup mayat dan tindih plastic dengan batu-bata.

Q : Siapa yang tutup mayat?

A : Saya dan En. Rosli maintenance dan disaksi oleh pegawai saya. Mereka hanya tengok dari pejabat Tuah Tanker.

Q : Adakah kamu sentuh mayat?

A : Tidak.

Q : Rosli ada sentuh?

A : Tidak pasti.

Q : Selepas itu apa berlaku?

A : Sebelum tutup mayat, saya hubungi pihak polis dahulu. Lebih kurang 1.53 petang saya lapor pada polis.

Q : Polis sampai pukul berapa?

SI3 – MOHD KHAIRUL IZWAN BIN NASIR

A : Lepas telefon antara 8 hingga 10 minit polis sampai.

Q : Masa polis sampai, kamu masih berada di tempat kejadian?

A : Ya.

(Itu sahaja).

En. Gobind Singh Deo

Q : Kamu kerja sebagai Pegawai Kanan Sekuriti?

A : Ya.

Q : Ada pengalaman dalam keadaan di mana satu mayat dijumpai?

A : Tidak pernah.

Q : Di dalam kes ini, apabila kamu pertama kali lihat mayat tersebut, adakah kamu melihat mayat dengan teliti?

A : Tidak pasti.

Q : Ulang soalan.

A : Tidak lihat dengan teliti. Saya kelam kabut kerana tidak pernah lihat apa yang berlaku.

Q : Apabila meletakkan plastic pada mayat, ada sentuh mayat?

SI3 – MOHD KHAIRUL IZWAN BIN NASIR

A : Tidak ada.

Q : Ada lihat gambar?

A : Saya ibarat nampak dan tidak nampak.

Q : Ada sentuh mayat?

A : Tidak.

Q : Batu bata?

A : En. Rosli ambil dari compressor aircond untuk tindih plastic dari ditiup angin.

Q : Bukan kamu yang meletak batu bata?

A : Saya tolong ambil dan letak.

Q : Kamu kata kamu perasan bahawa darah telah kering?

A : Ya.

Q : Kamu check di mana?

A : Di kepala.

SI3 – MOHD KHAIRUL IZWAN BIN NASIR

Q : Rujuk pada gambar 4, jika lihat boleh nampak kot yang dipakai warna biru gelap. Lihat kepada saku kot tersebut, saku kelihatan seperti ada barang yang telah diambil keluar. Setuju?

A : Setuju.

Q : Apabila kamu lihat, adakah poket dalam keadaan demikian?

A : Tidak pasti.

Q : Bahagian seluar – ada kekoyakan dan kesan darah. Setuju? Jika kamu lihat, adakah keadaan mayat sebegitu?

A : Ya.

Q : Sebagai Pegawai Kanan Sekuriti di Plaza Masalam, kamu pernah bermalam di tempat itu?

A : Tidak pernah.

Q : Tidak ada shift malam?

A : Saya kerja siang sahaja.

Q : Pegawai lain?

A : Penyelia ada shift siang dan malam.

Q : Sebagai pegawai, kamu yakin bahagian mana dalam bangunan tersebut ada CCTV?

SI3 – MOHD KHAIRUL IZWAN BIN NASIR

A : Boleh. Di lobi tower level 4, carpark, kawasan pintu mall. Dalam mall tiada dan ofis tower juga tiada. Hanya di lift lobi sahaja.

Q : Bila kamu sampai di tempat tersebut dan jumpa En. Azhar. Siapa Azhar?

A : Technician.

(Tiada soalan).

En. Sreekanth

Q : Kamu telah hubungi polis sebelum tutup mayat?

A : Ya.

Q : Masa?

A : 1.30 petang.

Q : Bagaimana kamu katakan masa 1.53 petang?

A : Berpandu handphone.

Q : Pukul berapa bila kamu dihubungi oleh Ridzuan bahawa ada mayat disana?

A : 1.49 atau 1.48 petang.

Q : Itu juga berpandukan handphone?

SI3 – MOHD KHAIRUL IZWAN BIN NASIR

SI4 – ABDUL KARIM BIN OSMAN

A : Jam.

(Tiada soalan).

Majlis Peguam

(Tiada soalan).

Deputy Public Prosecutor: Pohon dilepaskan.

Mahkamah : SI3 dilepaskan tanpa syarat.

Deputy Public Prosecutor: Pohon panggil Abdul Karim b. Osman.

SI4

Nama : Abdul Karim b. Osman
K/P : RF/96637
Umur : 46 tahun
Bertugas : IPD Bilik Gerakan Shah Alam

Bersumpah dan bertutur di dalam Bahasa Melayu.

Deputy Public Prosecutor

Q : Bila kamu katakan bertugas di Bilik Gerakan Shah Alam, adakah ini IPD?

A : IPD.

SI4 – ABDUL KARIM BIN OSMAN

Q : Pada 16hb Julai 2009, adakah kamu bertugas di tempat sama?

A : Ya.

Q : Beritahu Mahkamah apa yang berlaku 13.57 hrs?

A : Semasa bertugas telah menerima satu panggilan telefon dari satu lelaki Melayu yang mengaku bertugas sebagai pengawal keselamatan bernama En. Khairul memberitahu beliau menjumpai mayat disyaki Cina terbaring di tingkat 5, disyaki bunuh diri.

Q : Lepas itu apa berlaku?

A : Saya maklumkan pada I.O Inspektor Zulaimi.

(I.O Inspektor Zulaimi dicamkan).

(Insp. Mohd Zulaimi bin Mat Zuber)

(K/P : I/1695)

Q : Apakah tujuan kamu untuk maklumkan pada Inspektor Zulaimi?

A : Kebiasaan untuk dapatkan maklumat lanjut. Saya terima maklumat dan akan salurkan pada pegawai bertugas.

Q : Ada terima apa-apa arahan dari beliau?

A : Beliau minta hubungi pihak forensic IPK Selangor.

Q : Kamu berbuat demikian?

A : Saya minta Koperal Aziz menghubungi forensic.

Q : Adakah kamu buat laporan polis?

A : Ada.

Q : Adakah ini laporan polis kamu?

A : Ya.

Deputy Public Prosecutor: Pohon ditandakan.

Mahkamah: PI3.

Q : Pukul berapa buat laporan?

A : 15.13 hrs.

En. Gobind Deo Singh

Q : Kamu ada buat laporan polis?

A : Ya.

Q : Rujuk pada PI3. Adakah itu laporan yang kamu buat?

A : Ya.

Q : Kamu yang dinamakan disini?

A : Ya.

Q : kamu ada jumpa dia, En. Khairul?

A : Tidak jumpa.

Q : Adakah En. Karim baca report ini pada En. Khairul?

A : Ini adalah report saya.

Q : Report ini diambil di bawah seksyen apa?

A : Tidak pasti. Ini adalah FIR.

Q : Di bawah undang-undang seksyen 14, kamu perlu membaca kembali laporan tersebut.

A : Tidak faham.

Q : Diulangi. Kamu ambil laporan polis, adakah apa-apa peruntukan yang menyatakan bahawa kamu perlu membaca maklumat pada orang yang memberi maklumat?

A : En. Khairul hanya buat maklumat sahaja.

Mahkamah: Kes ditangguh sebentar.

t.t. Azmil Muntapha b. Abas.

12.15 tengahari.

Kes dipanggil semula.

En. Gobind Deo Singh

(En. Karpal adalah leading counsel untuk keluarga mangsa).

Q : Dalam pengalaman kamu, apabila menerima maklumat melalui telefon adalah penting untuk kita mengesahkan maklumat dengan pemberi maklumat?

A : Ya.

Q : Dan cara mengesahkan adalah dengan baca semula dan sahkan bahawa ianya benar?

A : Saya buat report lambat kerana untuk mengesahkan perkara tersebut.

Q : Bila kamu mengesahkan?

A : 1.53 petang.

Q : Ada kamu jelaskan pada En. Khairul?

A : Tidak.

Q : Jika lihat report, ia dikatakan dibuat pukul 3.13 petang?

A : Lepas satu jam.

SI4 – ABDUL KARIM BIN OSMAN

Q : Sila lihat report, “pada 16hb Julai 2009 jam lebih kurang 1.57 petang, semasa saya bertugas.....” . Perkataan yang ditulis adalah disyaki bunuh diri. Itu adalah kenyataan kamu?

A : Tidak, dari En. Khairul. Saya tulis apa yang diberitahu.

Q : Khairul beritahu bahawa dia disyaki bunuh diri? Kamu tidak bacakan pada beliau?

A : Ya, saya tidak bacakan.

Q : Adakah kamu terima maklumat dari pegawai yang membawa kereta polis?

A : Ya, saya diberitahu oleh beliau.

Q : Ada mereka jumpa En. Khairul?

A : Saya tidak pasti.

Q : Saya cadangkan bahawa kamu memang tidak tahu mangsa sebenarnya bunuh diri?

A : Ya, tidak tahu.

En. Sreekanth

Q : Berapa lama kamu bekerja?

SI4 – ABDUL KARIM BIN OSMAN

- A : 28 tahun dan di IPD Shah Alam 2 tahun.
- Q : Apa tugas kamu?
- A : Tugas saya untuk terima maklumat dan ambil tindakan.
- Q : Bila terima maklumat dari telefon, berapa panggilan kamu dapat sehari?
- A : Purata dalam 10 atau lebih panggilan sehari.
- Q : Adakah kamu buat laporan polis pada setiap panggilan?
- A : Tidak, hanya pada kes-kes yang menarik sahaja.
- Q : Bagaimana kamu boleh buat kesimpulan samada kes menarik atau tidak?
- A : Samun bersenjata, rompakan bank dan yang melibatkan nyawa dan kecederaan parah.
- Q : Laporan polis PI3, kamu lakukan dari pegawai?
- A : Memang arahan dari pegawai untuk I.O ambil tindakan.
- Q : Selepas satu jam kamu buat kesimpulan?
- A : Saya buat kerja lain kerana ada kes-kes lain.

Majlis Peguam

(Tiada soalan)

SI4 – ABDUL KARIM BIN OSMAN
SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

Deputy Public Prosecutor: Pohon saksi dilepaskan.

(SI-4 dilepaskan tanpa syarat).

Deputy Public Prosecutor: Saksi kelima En. Wan Rosli.

SI5

Nama : Wan Rosli b. Wan Adam
Bertugas : Di Plaza Masalam sebagai pengawal keselamatan
Umur : 38 tahun
Alamat : Blok 156, Sri Permata Kondo, Seksyen 9, Shah Alam

(Berikrar dalam Bahasa Melayu).

Deputy Public Prosecutor

Q : Pada 15hb Julai 2009, di mana kamu bekerja?

A : Di Plaza Masalam sebagai pengawal keselamatan.

Q : Bertugas pada hari itu?

A : Ya.

Q : Masuk kerja pukul berapa?

SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

A : Masuk 8 malam hingga 8 pagi keesokan.

Q : Bertugas di mana?

A : Pada 8 malam hingga 12 tengah malam saya bertugas di lokasi 2A, di dalam shopping mall level 1 dan 2.

Q : Selepas itu di mana?

A : Lepas pukul 12.01 pagi, saya di lokasi kaunter tower, Zon 3A hingga jam 4 pagi.

Q : Kaunter tower ialah tempat apa?

A : Blok pejabat.

Q : Tingkat berapa?

A : Level 4.

Q : Adakah kaunter tower kawasan lobi masuk pejabat?

A : Ya.

Q : Di kawasan lobi kaunter tower ada CCTV?

A : Ada.

Q : Pohon ditanda sebagai ID.

Mahkamah: IDI4.

Mahkamah: Apakah IDI4?

Deputy Public Prosecutor: IDI4 ialah gambar yang diturunkan dari CCTV Plaza
Masalam, level 4, lobi kaunter tower.

Q : Rujuk Lampiran A muka surat 1 dan 2. Adakah gambar 1 menunjukkan lobi kaunter tower?

A : Ya.

Q : Kamu bertugas di sini dari 12.01 hingga 4 pagi pada 16hb Julai 2009?

A : Ya.

Q : Rujuk gambar 2 dan 3. Gambar 2 15hb Julai 2009, masa 6.08 petang. Adakah kamu bertugas pada masa ini di lobi?

A : Belum masuk bertugas.

Q : Rujuk Lampiran D muka surat 19, gambar 18. Ini adalah 16hb Julai 2009, jam 1.48 pagi. Kamu dimana?

A : Saya bertugas di kaunter tower.

Q : Gambar 18, itu kamu?

A : Ya.

Q : Adakah kamu kenal tiga lelaki yang berjalan keluar?

SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

A : Tidak kenal nama dan rupa.

Q : Adakah mereka kerja disitu?

A : Bukan kerja Plaza Masalam.

Q : Kamu tahu samada ini adalah pegawai SPRM atau tidak?

A : Tidak kenal.

Q : Gambar 31, muka surat 32. Awak ada di dalam gambar?

A : Ya.

Q : Kamu kenal dua orang yang berjalan keluar?

A : Anggota SPRM.

Q : Kenal bagaimana?

A : Kenal secara pandangan dan kenal dia bekerja di tingkat 14.

Q : Nama tahu?

A : Tidak tahu.

Q : Yang mana?

A : Yang baju putih.

SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

Q : Yang baju gelap kenal atau tidak?

A : Anggota SPRM.

Deputy Public Prosecutor: Gambar 18 (sebelah kanan) – yang interview Mr. Teoh.
Gambar 31 – recording officer.

Q : Kamu bertugas hingga 4 pagi?

A : Ya.

Q : Selepas itu?

A : Bertugas di Zon 2B parking kereta.

Q : Keluar kerja pada 16hb Julai 2009 jam 8 pagi?

A : Ya.

Q : Selepas pukul 4 pagi 16hb Julai 2009, siapa ambil alih tugas kamu di kaunter lobi?

A : Penyelia, En. Rahman Rahim.

(En. Rahman Rahim dicamkan).

Q : Gambar 24 muka surat 25, adakah kamu berada disitu?

A : Ya.

Q : Awak kenal lelaki dalam gambar?

A : Kedua-dua anggota SPRM.

Deputy Public Prosecutor: Kemeja putih – ketua operasi siasatan SPRM.

(Itu sahaja).

En. Gobind Deo Singh

Q : Setakat 15hb Julai 2009, sudah berapa lama kamu bekerja sebagai pengawal keselamatan di bangunan tersebut?

A : Hampir 4 tahun.

Q : Sudah berapa lama kamu ditugaskan di bahagian lobi?

A : Untuk sekuriti Plaza Masalam setiap anggota mesti duduk di tower dan mesti ada tiga masa iaitu setiap 4 jam akan bertukar-tukar.

Q : Berapa lama kamu bertugas di lobi?

A : Tidak, ada juga lokasi lain.

Q : Dari gambar I4, kita lihat ramai orang yang masuk dan keluar dari bangunan tersebut, bukankah ianya menjadi tugas kamu untuk mendapat maklumat dari mereka?

SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

- A : Yang masuk keluar pada hari tersebut pada masa saya bertugas hanyalah anggota SPRM, kemudian staff JPN naik ke tingkat 7.
- Q : Maknanya kalau mereka menjadi staff SPRM or JPN, tidak perlu catit maklumat mereka?
- A : Untuk SPRM operasi 24 jam dan setiap jam perlu catit.
- Q : Adakah kamu perlu catit?
- A : Tidak buat.
- Q : Mengikut gambar ada juga pihak yang kamu tidak kenal? Jadi apakah tugas kamu sebagai pengawal keselamatan? Kenapa perlu ada pengawal keselamatan?
- A : Untuk pastikan keadaan terkawal dan selamat.
- Q : Bagaimana kita lakukan sedemikian?
- A : Duduk situ kerana control room ada masalah dan kaunter adalah tempat rujukan.
- Q : Ramai yang masuk dan tidak tahu apakah tujuan mereka datang. Macammana kamu bertugas? Bagaimana hendak tahu?
- A : Kesilapan sekuriti.
- Q : Daripada gambar yang dilihat, kamu kelihatan biasa?

SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

- A : Pada malam tersebut sahaja anggota SPRM yang keluar masuk.
- Q : Tidak kebiasaannya untuk pegawai SPRM yang masuk dan buat kerja untuk sesi malam dan keluar awal pagi?
- A : Ya, kebiasaan.
- Q : Apa maksudnya?
- A : Tidak pasti, kadang-kadang seminggu sekali atau dua.
- Q : Adakah tuan berpengetahuan apabila saksi di bawa ke SPRM untuk disiasat pada malam?
- A : Tidak pasti.
- Q : Tak tanya maklumat?
- A : Tidak tahu.
- Q : Selain dari pegawai SPRM, adakah badan lain yang mempunyai ofis dan kebiasaan bawa ke pejabat mereka orang ramai pada lewat malam dan awal pagi?
- A : Tidak ada.
- Q : Apakah tugas kamu bila melihat?
- A : Hanya melihat sahaja.

SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

- Q : Tadi kamu beritahu pegawai SPRM bawa orang ramai ke bangunan tersebut mungkin sekali atau dua dalam sebulan?
- A : Saya tidak pasti. Saya tidak hari-hari duduk di ofis tower.
- Q : Berapa kali kamu duduk di ofis tower?
- A : Lebih kurang 30 hari.
- Q : Dalam 28 hari berapa kerap kamu nampak pegawai SPRM bawa saksi lewat malam?
- A ; Tidak tentu.
- Q : Maksudnya kurang?
- A : Bekerja di tempat lain dua minggu dan selebihnya di tempat lain dan sebab itu saya tidak pasti.
- Q : Adakah kamu bantu polis lihat CCTV?
- A : Ya.
- Q : Selain dari itu, adakah kamu buat siasatan sendiri?
- A : Tidak.
- Q : Adakah mana-mana pihak buat siasatan?

SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

A : Saya tidak pasti.

Q : Setuju bahawa gambar menunjukkan kerusi kosong dan bila kerusi kosong di mana kamu?

A : Saya di pintu kaca masuk hadapan.

Q : Adakah kamu pada sebarang masa berbincang dengan pihak SPRM sebagai kawan?

A : Untuk perbincangan kosong ada. Hanya tanya khabar.

Q : Berkenaan dengan sesi yang hampir pukul 4 lebih, ada kamu tanya mereka?

A : Tidak. Setahu saya mereka ada operasi dan kita tidak ambil tahu.

Q : Jadi kamu tidak akan tahu jika pegawai SPRM atau pegawai lain buat siasatan pada masa tersebut?

A : Tidak tahu.

Q : Adakah kamu buat rondaan di bangunan tersebut?

A : Ya.

Q : Setakat pengetahuan kamu, MACC ada ofis di tingkat 14, mereka juga ada gunakan ruang di tingkat 15, kamu tahu mereka gunakan untuk apa?

A : Saya tidak pasti.

Q : Pernah masuk tingkat 15?

A : Tidak pernah.

Q : Berkenaan dengan tangga di bangunan tersebut, adakah kamu biasa dengan tangga tersebut?

A : Biasa.

Q : Jika dari tingkat 14 dan 15 hendak masuk tangga boleh atau tidak?

A : Pihak SPRM kunci.

Q : Jika hendak pergi ke tempat lain, ada akses?

A : Tidak boleh, hanya sekurti dan maintenance sahaja yang pegang kunci untuk ke roof top.

Q : Memandangkan keterangan yang kamu berikan, saya cadangkan bahawa aktiviti pada malam tersebut bukanlah aktiviti kebiasaan?

A : Bukan kebiasaan, kadang-kadang sahaja.

Q : Adakah sebarang exit lain di bangunan tersebut?

A : Melalui lif dan tangga di lobi tower sahaja.

Q : Macamana nak ke car park?

A : Kena turun ke bawah dan keluar.

En. Sreekanth

(Tiada soalan).

Majlis Peguam

Q : Antara jam 4 pagi, kamu sentiasa berada di lobi?

A : Ya.

Q ; Kamu nampak orang keluar masuk?

A : Ya.

Q ; Semua anggota SPRM?

A : Lebih kurang pukul 12 dekat pukul 1 pagi, ada empat orang anggota SPRM masuk dengan 1 cina dan lebih kurang pukul 2 tiga orang JPN naik ke tingkat 7.

Q : Sebarang pergerakan kamu akan nampak?

A : Ya.

(Itu sahaja).

SI5 – WAN ROSLI BIN WAN ADAM

SI6 – ABDUL RAHMAN BIN RAHIM

Deputy Public Prosecutor: Rujuk gambar 10, 11, 12, 13. Gambar 12 dan 13 adakah ini lelaki Cina yang dimaksudkan?

A : Ya.

Q : Pegawai bersama beliau gambar 10 dan 11?

A : Ya, betul.

Deputy Public Prosecutor: Pohon saksi dilepaskan. Ada satu lagi saksi untuk early witness dan pohon untuk rehat.

En. Gobind: Pohon chemist untuk bagi keterangan esok pagi.

Deputy Public Prosecutor: Kesemua ada 6 pakar chemist dan pathologist.

En. Gobind: Pathologist keluarga hanya boleh hadir pada hari Isnin.

Mahkamah: Kes diteruskan.

SI6

Nama : Abdul Rahman bin Rahim

Pekerjaan : Pengawal keselamatan di Plaza Masalam

Umur : 51 tahun

Alamat : No. 156, Permata Kondo, Seksyen 9 Shah Alam

(Bersumpah dan bertutur dalam Bahasa Melayu).

Deputy Public Prosecutor

Q : Pada 15hb Julai 2009, di mana kamu bekerja?

A : Di Plaza Masalam sebagai pengawal keselamatan.

Q : Adakah kamu bertugas pada hari tersebut.

A : Saya bertugas pada 8 malam hingga 8 pagi 16hb Julai 2009.

Q : Siapa lagi bertugas dengan kamu?

A : Saya bertugas dengan En. Rosli dan En. Mohd Shahid Hussin.

(En. Mohd Shahid Hussin dicamkan).

Q : Pukul 8 malam, bila kamu bertugas dan dimana?

A : Di kawasan luar di Zon 2B.

Q : Hingga pukul berapa?

A : Pukul 12 malam.

Q : Pukul 12 malam di mana?

A : Zon 2A di kawasan shopping mall hingga pukul 4 pagi.

Q : 4 pagi kerja di mana?

A : Di kaunter ofis tower level 4.

Q : Awak ambil alih tugas Rosli?

A : Ya.

Q : Hingga pukul berapa?

A : Hingga 8 pagi.

Q : Rujuk IDI4 gambar 32. Siapa yang duduk di lobi kaunter tower?

A : Wan Rosli dan saya berdiri.

Q : Adakah kamu kenal lelaki baju hitam dan topi hitam?

A : Kenal tapi tidak tahu nama.

Q : Kenal bagaimana?

A : Sering melihat dan tidak tahu nama.

Q : Kerja di mana?

A : SPRM bangunan yang sama.

Q : Gambar 33, siapa duduk di lobi kaunter?

A : Saya.

Q : Kenal atau tidak lelaki yang pakai kemeja hitam?

A : Kenal dan dipanggil Ashraf.

Q : Kerja di mana?

A : SPRM.

Deputy Public Prosecutor: Gambar 33 beliau adalah pegawai yang temuduga mangsa.

Q : Gambar 34, kenal?

A : Tidak kenal.

Deputy Public Prosecutor: Gambar 34 beliau adalah pegawai SPRM yang dipercayai orang terakhir jumpa En. Teoh.

Q : Gambar 35 kamu kenal siapa?

A : Anggota SPRM.

Deputy Public Prosecutor: Timbalan Pengarah SPRM Selangor – Gambar 35.

Q : Pukul berapa kamu habis di kaunter lobi tower?

A : 8 pagi.

Q : Semasa kamu bertugas dari pukul 4 hingga 8 pagi 16hb Julai 2009, adakah kamu dengar atau lihat siapa-siapa yang jatuh atau dengar bunyi dari atas?

A : Tiada.

Q : Habis kerja pukul berapa?

A : Lapan pagi.

(Itu sahaja).

En. Gobind Singh Deo

Q : Rujuk kepada gambar 36 dan 37 hingga 41. Adakah kamu kenal siapa mereka yang masuk ke dalam bangunan tersebut?

A : Saya tidak pasti tapi saya ingat mereka adalah anggota SPRM.

Q : Sila jelaskan.

A : Tidak kenal.

Q : Setuju bahawa sepanjang kamu bertugas di lobi kamu tidak pernah ambil maklumat orang yang keluar masuk?

A : Setuju.

En. Sreekanth

(Tiada soalan).

Majlis Peguam

Q : Rujuk gambar 35, kamu beritahu bahawa kamu kenal. Sebelum ini pernah kamu nampak orang itu pada awal-awal pagi?

A : Sebelum ini tidak pernah. Cuma pada pagi itu sahaja.

(Itu sahaja).

Deputy Public Prosecutor: Tiada soalan lagi.

Mahkamah: Kamu bertugas di bawah syarikat apa?

A :

Mahkamah: Syarikat kamu mengendalikan keselamatan semua bangunan tersebut?

A : Ya.

Mahkamah: Tiada buku daftar disediakan?

A : Ada, buku log selepas waktu pejabat.

Mahkamah: Siapa yang catit dalam buku tersebut?

A : Saya.

Mahkamah: Siapa yang simpan?

A : Biasanya kami simpan di kawasan kaunter sahaja.

Mahkamah: Memang buku ada catitan keluar masuk?

A : Tidak pasti.

Mahkamah: Pada tarikh 15 hingga 16hb Julai?

A : Tidak dicatit.

Mahkamah: Kenapa tidak dicatit?

A : (Tiada jawapan).

En. Gobind: Pohon buku tersebut dikemukakan.

Deputy Public Prosecutor: Tiada buku dan sebulan dahulu memang tiada catitan
dibuat. Buku akan dikemukakan.

Mahkamah : Saksi tidak dilepaskan.

Mahkamah : Sambung esok.

t.t. Azmil Muntapha b. Abas.